



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/01/12\_02 (HQ)

### TNB DAN UPM PASANG SISTEM SOLAR TERBESAR IPTA

- Pemasangan sistem solar di 16 tapak termasuk masjid, parkir solar serta tasik tanpa kos pendahuluan
- Sistem solar berkapasiti 16.18 MWp dijangka menjimatkan RM114 juta bil elektrik dalam tempoh 25 tahun

**Tenaga Nasional Bhd (TNB)** melalui anak syarikat milik sepenuhnya, GSPARX Sdn Bhd (GSPARX), menjalin kerjasama strategik dengan **Universiti Putra Malaysia (UPM)** melalui pemasangan sistem solar PV, yang meluaskan lagi ciri-ciri kelestarian Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) itu.

Melalui Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE), GSPARX akan memasang sistem solar di 16 tapak merangkumi pelbagai bangunan termasuk masjid, bumbung parkir serta projek solar terapung iaitu Hidroponik-Aquavoltaic Bersepadu Skala Besar Pertama (First Large Scale Integrated Hydroponic-Aquavoltaic) bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan modal insan, sekali gus menjadikan ia projek solar terbesar di IPTA.

Menurut Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin, kerjasama GSPARX-UPM itu adalah antara manifestasi sokongan penuh TNB terhadap agenda kerajaan untuk mencapai pengurangan intensiti pelepasan karbon, melalui komitmen hala tuju kelestarian TNB (TNB Sustainability Pathway) ke arah pelepasan sifar bersih (net zero emissions) menjelang tahun 2050.

“Di samping melaksanakan tanggungjawab terhadap alam sekitar dan menjadi sebahagian daripada inisiatif menangani perubahan iklim, ia selaras aspirasi TNB untuk menjadi pembekal terunggul solusi tenaga mampan,” katanya pada majlis menandatangani SARE tersebut di UPM, pada 6 Januari 2022.

Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan dipihak GSPARX sebagai Pelabur PV Solar Berdaftar (Registered Solar PV Investor) dan Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman menandatangani perjanjian itu. Ia disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Dato' Seri Abdul Razak Jaafar, Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin dan Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail.

Melalui pemasangan sistem solar berkapasiti 16.18MWp di 16 lokasi sekitar UPM itu, universiti berkenaan bakal menikmati penjimatan bil elektrik sebanyak RM114 juta untuk tempoh 25 tahun. Kerja-kerja pemasangan panel solar dijangka siap pada Julai 2022.

Pemasangan panel solar di UPM itu mampu mengurangkan 14,655 tan metrik karbon dioksida setahun. Ia bersamaan pembebasan asap 3,187 buah kenderaan setahun atau penyerapan karbon dioksida oleh 242,320 batang pokok dalam tempoh 10 tahun.

Di samping itu, kata Prof. Dr. Mohd Roslan, usaha tersebut mengukuh jalinan kerjasama penyelidikan dan jaringan industri, terutamanya bagi pembangunan modal insan dan pelaksanaan projek sistem Aquavoltaics di Fakulti Kejuruteraan yang merupakan the First Large Scale Integrated Hydroponic-Aquavoltaic project cum Eco-Tourism in the World.

“Ia seiring dengan hala tuju universiti menerusi Pelan Strategik UPM 2021-2025 yang menekankan elemen kelestarian penyelidikan dan Inovasi serta pengukuhan jaringan industri dan masyarakat. UPM sebagai universiti paling lestari di Malaysia selama 12 tahun berturut-turut dalam UI-GreenMetric World University Ranking 2021 akan terus komited dalam mendukung usaha kelestarian,” katanya.

Sehingga kini, GSPARX telah menjalin kerjasama strategik bersama pelbagai pihak termasuk Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), TATI University College (TATIUC), Jabatan Kerja Raya (JKR), Mydin Mohamed Holdings Berhad (MYDIN), Sime Darby Properties, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Seremban dan Majlis Bandaraya Ipoh.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 12 Januari 2022, jam 3:00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Nor Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Fazreen 019-3160401*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

**Untuk UPM**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Mohammad Nazry Hisham 019-3326545*

*atau e-mail: [nazryhisham@upm.edu.my](mailto:nazryhisham@upm.edu.my)*

## Mengenai GSPARX

GSPARX ialah anak syarikat milikan penuh TNB yang ditubuhkan pada Januari 2018. Ia giat menjalankan kerjasama strategik bersama pelbagai syarikat, organisasi dan agensi kerajaan bagi menawarkan kepakarannya dalam pemasangan panel solar bumbung, satu pasaran di dalam ruang tenaga boleh diperbaharui Malaysia yang berpotensi besar untuk diterokai.

Melalui Zero Capex Solution GSPARX, pelanggan dari kategori agensi kerajaan, komersial dan industri kini boleh menjana tenaga solar bersih pada bumbung bagi mengurangkan bil elektrik. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.tnb.com.my/solar/> atau <https://www.gsparx.com/>.

## Mengenai Universiti Putra Malaysia

**Universiti Putra Malaysia** merupakan universiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan kecemerlangan selama 88 tahun dalam pengajian tinggi juga diiktiraf sebagai salah satu universiti penyelidikan terbaik di rantau ini dan menduduki tempat ke-143 dan ke-2 terbaik negara di QS World University 2022. Sebagai salah satu universiti terbesar dan terkemuka di Malaysia dengan reputasi kecemerlangan yang lestari dalam pengajaran dan penyelidikan, UPM sentiasa menjadi pilihan utama bagi pelajar dari seluruh dunia.

Sebagai pusat pembelajaran bertaraf dunia, Universiti Putra Malaysia menawarkan portfolio disiplin akademik yang luas bagi lebih daripada 28,000 pelajar dalam pelbagai program akademik yang telah banyak menyumbang kepada pengetahuan dan pembangunan modal insan yang berkualiti sejak tahun 1931.

**Pelan Strategik UPM 2021-2025** meletakkan 5 matlamat iaitu **Matlamat 1** Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang; **Matlamat 2** Mewujudkan Hab Penyelidikan Dan Inovasi Yang Menjanakan Nilai Berteraskan Ekosistem Lestari; **Matlamat 3** Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri Dan Masyarakat; **Matlamat 4** Memperkasakan Pertanian Dan Ketahanan Sekuriti Makanan; **Matlamat 5** Memperteguh Tadbir Urus Institusi, Kemampunan Kewangan Dan Amalan Kelestarian Hijau.

Pelan Strategik UPM 2021-2025 mengangkat tema “**Seruan Al-Falah Dari Menara Ilmu**” sebagai tunjang yang menzahirkan komitmen universiti dalam konteks memartabatkan ilmu demi kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat seiring dengan slogan yang disematkan iaitu “**Berilmu Berbakti**”.



Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar (tengah), bersama Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin (kiri) dan Pengerusi Lembaga UPM YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamallullail (kanan), menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Supply Agreement With Renewable Energy (SARE) di antara Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman (dua kiri) dan Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (dua kanan).





**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERSAMA SAMA MELAKUKAN TERBUKA



**TENAGA NASIONAL**  
*Better. Brighter.*

S.A. 2022/01/12\_02 (HQ)



Tenaga Nasional Bhd (TNB) melalui anak syarikat milik sepenuhnya, GSPARX akan memasang sistem solar PV di 16 tapak di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) merangkumi pelbagai bangunan termasuk masjid, parkir solar serta solar terapung, menjadikan ia projek solar terbesar di IPTA.

Projek solar terapung Hidroponik-Aquavoltaic Bersepadu Skala Besar Pertama (First Large Scale Integrated Hydroponic-Aquavoltaic) di Fakulti Kejuruteraan merupakan the First Large Scale Integrated Hydroponic-Aquavoltaic project cum Eco-Tourism in the World, akan dipasangkan system solar terapung berkapasiti 312.12kWp.